

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Laporan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) menunjukkan "*Renewable Energy*" dari tenaga solar adalah penyumbang tertinggi kepada jumlah penjanaan "*Renewable Energy*" sehingga kini. Mengapakah tenaga "*Renewable Energy*" yang lain seperti biogas, biomass, geothermal serta hidro masih kurang mendapat tempat di kalangan pemain industri dan rakyat serta apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan "*Renewable Energy*" lain dalam jumlah penjanaan "*Renewable Energy*" keseluruhan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Skim *Feed-in Tariff* (FiT) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2011, tenaga solar merupakan penyumbang tertinggi daripada keseluruhan tenaga boleh baharu (TBB) berbanding dengan biojisim, biogas dan mini hidro. Jumlah projek solar PV yang telah siap hingga kini mencecah 264.33MW iaitu 68.9% daripada keseluruhan kapasiti 383.39MW yang disambung ke grid manakala mini hidro 18.3MW (4.8%), biojisim 75.40MW (19.7%) dan biogas 25.36 MW (6.6%).

2. Faktor utama yang menyebabkan tenaga solar merupakan penyumbang utama ialah ia paling mudah untuk dilaksanakan terutamanya bagi projek-projek pemasangan solar *photovoltaic* (PV), dengan izin di atas bumbung rumah-rumah kediaman. Selain itu, kadar FiT bagi tenaga solar PV yang tinggi juga menarik minat pihak pemaju untuk melaksanakan projek-projek solar PV.

3. Bagi pembangunan sumber-sumber TBB yang lain, kekangan-kekangan yang dihadapi adalah seperti berikut:-

- (i) kesukaran mendapatkan *feedstock* seperti *empty fruit bunches* (EFB), dengan izin bagi projek-projek biojisim;
- (ii) proses permohonan yang kompleks yang melibatkan 21 kelulusan atau permit daripada pelbagai agensi dan jabatan bagi projek-projek mini hidro;
- (iii) lokasi yang terhad bagi pembangunan loji janakuasa geoterma; dan
- (iv) kesukaran mengenal pasti kedudukan geografi yang sesuai bagi pembangunan tenaga angin.

4. Dalam usaha meningkatkan pembangunan sumber-sumber TBB, Kerajaan sentiasa menyemak kadar FiT dari semasa ke semasa untuk memastikan kadar tersebut dapat memberi galakan kepada pemaju-pemaju untuk membangunkan projek TBB selain daripada tenaga solar.

5. Selain itu, langkah yang diambil oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB) untuk mewajibkan kilang-kilang kelapa sawit membina pemasangan biogas mulai tahun 2018 telah membantu meningkatkan kapasiti biogas di bawah FiT. Sehingga 31 Ogos 2016, sebanyak 96

pepasangan biogas telah diluluskan dengan kapasiti sebanyak 170.96MW di bawah mekanisme FiT. Loji-loji ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2018.

6. Bagi menggalakkan pembangunan sumber tenaga angin pula, Kementerian telah meminta supaya *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) mengkaji teknologi yang sesuai digunakan bagi kawasan yang mempunyai kelajuan angin yang rendah memandangkan kebanyakan tempat di Malaysia menghadapi kekangan tersebut untuk membangunkan tenaga angin.

\*\*\*\*\*